

## BAB 2.0 PELAKSANAAN DASAR PEMBANGUNAN

Bagi memastikan keseimbangan pembangunan mampan dapat dicapai, dasar-dasar pembangunan merupakan satu aspek yang perlu diambil kira dalam cadangan PIL Sepang. Berikut merupakan dasar-dasar di peringkat nasional, negeri dan daerah yang berkaitan dengan kajian ini.

### 2.1 Rancangan Fizikal Negara (RFN)

#### 2.1.1 Pengenalan

RFN merupakan satu garis panduan yang merumuskan dasar-dasar strategik bagi menentukan arah tuju dalam pembangunan fizikal dan pemuliharaan bagi seluruh Semenanjung Malaysia. Fungsi RFN adalah untuk memperkukuhkan perancangan pembangunan negara dengan menyelaras dan menterjemahkan dasar-dasar sektoral negara ke dalam dimensi fizikal serta menyediakan satu rangka perancangan fizikal sebagai asas perancangan di peringkat wilayah, negeri dan tempatan.

#### 2.1.2 Matlamat

“Pembentukan satu rangka spatial negara yang efisien, saksama dan mampan, untuk memandu pembangunan keseluruhan negara ke arah mencapai tahap negara maju menjelang tahun 2020”.

#### 2.1.3 Objektif

Terdapat empat (4) objektif perancangan di dalam membentuk matlamat RFN iaitu:

- i. Merasionalisasikan perancangan spatial negara untuk mencapai ekonomi yang efisien dan berdaya saing global.
- ii. Mengoptimakan penggunaan tanah dan sumber semula jadi untuk mencapai pembangunan mampan.
- iii. Menggalakkan pembangunan wilayah yang seimbang untuk mencapai perpaduan negara.

- iv. Menjamin kualiti dan kepelbagaian fizikal serta persekitaran untuk mencapai kualiti hidup yang tinggi.

#### 2.1.4 Tema Rancangan Fizikal Negara

Rancangan Fizikal Negara (RFN) merupakan suatu pelan Perancangan Spatial Negara yang memberi panduan mengenai arah dan corak pembangunan, kegunaan dan pemeliharaan tanah negara yang strategik (15-20 tahun ). Lapan (8) tema RFN adalah seperti berikut:

- i. Pembentukan kerangka spatial negara
- ii. Peningkatan daya saing ekonomi negara
- iii. Pemodenan sektor pertanian
- iv. Pengukuhan pembangunan pelancongan
- v. Pengurusan petempatan manusia
- vi. Pemuliharaan sumber semula jadi dan alam sekitar
- vii. Penyepaduan rangkaian pengangkutan negara
- viii. Penyediaan infrastruktur yang bersesuaian

Antara dasar-dasar RFN yang akan diambil kira dalam Kajian PIL Sepang adalah seperti berikut:

DASAR	
<b>RFN 4</b>	Tanah dan sumber asli di wilayah kurang maju perlu digunakan secara mampan bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan ketidakseimbangan wilayah.
<b>RFN 6</b>	Pembangunan pertanian perlu mengambil kira tekanan dan peluang dari proses perbandaran.
<b>RFN 8</b>	Zon pembangunan pelancongan perlu menumpukan kepada pakej produk pelancongan yang berbeza untuk memaksimumkan kekuatan lokasi dan sumber masing-masing.

<b>RFN 9</b>	Tumpuan pertumbuhan bandar di dalam 'conurbation' perlu disokong dan diselaraskan.
<b>RFN 11</b>	'Conurbation' perlu dirancang dan dibangunkan sebagai satu wilayah bersepadu.
<b>RFN 12</b>	Keunikan dan sempadan fizikal bandar, pekan dan kampung di dalam 'conurbation' perlu dikekalkan.
<b>RFN 13</b>	Bandar berciri khas perlu dikenal pasti dan pembangunan projek yang mengeksploitasikan ciri-ciri berkenaan perlu disokong dengan infrastruktur yang bersesuaian.
<b>RFN 14</b>	Bandar kecil dan sederhana perlu dibangunkan mengikut potensi ekonomi setempat.
<b>RFN 18</b>	Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) perlu diintegrasikan dalam perancangan dan pengurusan guna tanah serta sumber semula jadi bagi memastikan pembangunan mampan.
<b>RFN 21</b>	Pembangunan di kawasan tanah tinggi perlu dikawal dengan tegas bagi melindungi keselamatan manusia dan kualiti persekitaran.
<b>RFN 22</b>	Kesemua sumber air permukaan dan air tanah adalah aset strategik yang perlu dilindungi dan digunakan secara optimum.
<b>RFN 25</b>	Rangkaian jalan raya negara perlu diperluaskan untuk kemudahsampaian di peringkat wilayah dan tempatan.
<b>RFN 28</b>	Sistem pengangkutan awam bersepadu perlu dibangunkan di semua pusat bandar utama.
<b>RFN 34</b>	Tanah bagi kegunaan perparitan utama, sungai dan anak sungai perlu dijadikan rizab parit atau sungai.

Jadual 2-1: Dasar Fizikal Negara

Sumber: Rancangan Fizikal Negara, 2009

## 2.2 Rancangan Struktur Negeri Selangor (RSN)

Berdasarkan kepada RSN Selangor 2020, dasar dan cadangan am yang berkenaan dengan kawasan rancangan tempatan adalah:-

- a. Pembangunan berstatus *cyber city* yang mengaplikasikan *smart homes*, *smart building*, *green buildings* dan *resort living* terutama di Cyberjaya dan Bandar Baru Salak Tinggi.
- b. KLIA sebagai 'hab serantau' iaitu Pusat Transit Antarabangsa.
- c. Mewujudkan pembangunan ekonomi baru seperti enterprise yang menyokong industri penerbangan (*aeronautical*) dan pelancongan di Bandar Baru Salak Tinggi, Pinggiran KLIA, Cyberjaya dan Sg. Pelek.
- d. Mewujudkan enterprise berteknologi tinggi dalam persekitaran yang bersih serta menekankan bio-teknologi dan nano-teknologi dan penyelidikan pembangunan (R&D) di Cyberjaya, Bandar Baru Salak Tinggi dan Pinggiran KLIA.
- e. Menyediakan kediaman dengan kemudahan bertaraf antarabangsa di Cyberjaya untuk golongan warga asing yang menetap di negara ini.
- f. Sg. Pelek dan Sepang sebagai Zon Gerbang Masuk Primer dari arah selatan Selangor terutama dari Port Dickson dan Nilai.
- g. Menyelaraskan fungsi dan hierarki perbandaran iaitu:-
  - Pusat Separa Wilayah – Cyberjaya, Bandar Baru Salak Tinggi;
  - Pusat Petempatan Utama – Sg. Pelek; dan
  - Pusat Petempatan – Dengkil
- h. Cyberjaya dan KLIA dikenal pasti sebagai Pusat Perkhidmatan Wilayah sementara Bandar Baru Salak Tinggi dan Sg. Pelek sebagai Pusat Pinggiran/Perkhidmatan.
- i. Cadangan jalan dari Salak Tinggi ke Tanjung Sepat.
- j. Cadangan Lebuhraya Khusus Kuala Lumpur – KLIA.
- k. Tanah Rizab Melayu (TRM) Bagan Lalang, TRM Sg. Merab, TRM Limau Manis, TRM Sg. Buah, TRM Dengkil, TRM Puchong dan TRM Jenderam berpotensi sebagai kawasan perbandaran.
- l. Mewujudkan penyelarasan di antara agensi kerajaan dan negeri berhubung penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti di kawasan Tanah Rizab Melayu.
- m. Kawasan Pertanian Kelas II dikekalkan sebagai kawasan pertanian untuk menjamin *food security* masa hadapan.
- n. Mewujudkan kemudahan sokongan pelancongan dan rekreasi di Cyberjaya, Bandar Baru Salak Tinggi dan Sg. Pelek.
- o. Aktiviti pelancongan rekreasi di sepanjang pesisiran pantai Pulau Carey-Sg. Pelek.

- p. Cadangan pembangunan pelancongan di tumpukan di Zon Pelancongan E (Kuala Langat) dan Zon Pelancongan F (Sepang dan Sebahagian Kuala Langat). Tema yang ditentukan untuk kedua-dua ini adalah:
- i. Pelancongan desa dan warisan budaya;
  - ii. Pelancongan warisan sejarah;
  - iii. Pelancongan alam semula jadi;
  - iv. Pelancongan pantai;
  - v. Pelancongan sukan; dan
  - vi. Pelancongan persidangan dan pameran.
- q. Hutan Simpan Kuala Langat dan Hutan Simpan Sg. Sepang Besar dan Sg. Sepang Kecil dizonkan sebagai Hutan Tanah Bencah yang perlu dipulihara sebagai kawasan kepelbagaian biologi.

### 2.3 Pelaksanaan Dasar Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020

Penyediaan RTMPSepang (Pengubahan 1) 2020 telah merujuk kepada RSN Selangor 2020 bagi memenuhi keperluan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Tindakan-tindakan RTMPSepang (Pengubahan 1) 2020 ke arah pelaksanaan dasar-dasar RSN Selangor 2020 yang berkaitan dengan kawasan rancangan tempatan adalah seperti berikut:

#### 2.3.1 Dasar EK1 Zon pembangunan fizikal hendaklah dimajukan dengan aktiviti-aktiviti bersesuaian

Koridor Raya Multimedia terutamanya di Cyberjaya akan dimajukan dengan aktiviti berteknologi tinggi serta penyelidikan dan pembangunan (R&D), sesuai dengan fungsinya dan koridor pantai Bagan Lalang ke Teluk Merbau akan dipertingkatkan dengan pembangunan pelancongan. Kawasan-kawasan yang terletak berhampiran KLIA seperti Pekan Salak, Bandar Baru Salak Tinggi dan Ampar Tenang akan dimajukan dengan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dan menyokong aktiviti di KLIA dan menerima limpahan pembangunan KLIA. Aktiviti Perindustrian di Ampar Tenang dijangka menyokong terutamanya aktiviti di pusat kargo KLIA dengan menyediakan kemudahan sokongan seperti pembungkusan dan sebagainya.

#### 2.3.2 Dasar EK2 Pembangunan aktiviti ekonomi berintensif pengetahuan digalakkan diseluruh Negeri Selangor

Galakan pembangunan berstatus *Cyber City* dan berasaskan teknologi serta pengetahuan seperti ICT dan K-Ekonomi di semua kawasan dalam Koridor Raya Multimedia manakala kawasan-kawasan institusi pengajian tinggi dan latihan sedia ada seperti Universiti Multimedia, Kolej Universiti Lim Kok Wing, Universiti Putra Malaysia, Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), UNITEN, UNIKL, CUCMS dan Cyberjaya merupakan kawasan tumpuan pembangunan aktiviti ekonomi berintensifkan pengetahuan. Institusi latihan atau pengajian tinggi berkaitan industri pelancongan juga dicadangkan di BP 8, Sg. Pelek bagi menyokong dan membangunkan industri pelancongan yang menjadi fokus pembangunan ekonomi kawasan tersebut.

#### 2.3.3 Dasar EK6 Kewujudan projek-projek mega bertaraf dunia di Selangor oleh Kerajaan Persekutuan dimanfaatkan sepenuhnya untuk menjana aktiviti ekonomi baru dan nilai tambah

Tumpuan kepada pembangunan sokongan yang dapat memenuhi permintaan daripada pelbagai jenis aktiviti perindustrian, perniagaan dan perkhidmatan. Kawasan-kawasan yang terlibat secara langsung adalah seperti Taman Sains Selangor 2, Sg. Merab, Ampar Tenang, Bandar Baru Salak Tinggi dan Dengkil.

#### 2.3.4 Dasar EK7 Pembangunan sumber manusia terus dipertingkatkan melalui penyediaan institusi-institusi latihan dan kemudahan-kemudahan sokongan

Daerah Sepang telah dikenal pasti sebagai salah satu daerah yang perlu diperbanyakkan institusi latihan dan kemahiran. Institusi-institusi latihan sedia ada seperti IKTBN merupakan asas ke arah pencapaian dasar ini di peringkat daerah manakala institusi-institusi baru seperti cadangan kolej atau Pusat Latihan Pelancongan di Sg. Pelek bagi meningkatkan sumber manusia dalam sektor pelancongan merupakan kesinambungan ke arah pencapaian dasar ini.

### 2.3.5 Dasar EK10 Lebih banyak pemangkin ekonomi perlu ditempatkan di zon-zon pembangunan yang bersesuaian di luar Wilayah Lembah Klang

Kawasan rancangan tempatan merupakan salah satu koridor pembangunan utama di Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu, kawasan dari bahagian utara yang bersempadanan dengan Daerah Petaling hingga ke KLIA telah dikenal pasti sebagai zon pembangunan. Pemangkin-pemangkin ekonomi yang telah dikenal pasti adalah seperti pembangunan enterprise di Cyberjaya, institusi pengajian tinggi dan latihan, Litar Lumba Formula Satu dan pembangunan pelancongan di Sg. Pelek.

### 2.3.6 Dasar EK 13 Kawasan industri berteknologi tinggi bertaraf dunia yang dapat menarik pelabur asing perlu disediakan di lokasi strategik

Cyberjaya telah dikenal pasti dalam Peta Guna Tanah 2020 sebagai lokasi industri berteknologi tinggi.

### 2.3.7 Dasar EK 15 Tanah Rizab Melayu yang terletak di lokasi strategik perlu dirancang dan dibangunkan sebagai pusat pertumbuhan ekonomi

Kawasan-kawasan TRM seperti TRM Limau Manis, TRM Jenderam, TRM Dengkil, TRM Sg. Merab dan TRM Bagan Lalang digalakkan untuk dibangunkan. Bagi memastikan TRM dibangunkan secara ekonomik, hanya lot-lot yang berhadapan dengan jalan-jalan utama akan dibenarkan untuk dibangunkan sebagai perumahan berdensiti rendah. Pembangunan secara bersepakat adalah digalakkan supaya penyediaan Kemudahan infrastruktur dan utiliti dapat diperluaskan.

### 2.3.8 Dasar EK17 Petempatan desa perlu dirancang dan dibangunkan secara bersepadu dengan pembangunan Bandar

Petempatan-petempatan desa yang berpotensi telah dikenal pasti sebagai kawasan pelancongan terutamanya *homestay* seperti Banghunis di BP8 Sg. Pelek. Mana-mana petempatan desa digalakkan mengekalkan konsep 'perumahan desa' bagi mengekal dan mengukuhkan ciri-ciri keunikan petempatan desa dalam usaha untuk meningkatkan identiti dan imej desa secara keseluruhannya dan menyokong industri pelancongan daerah.

### 2.3.9 Dasar EK18 Pembangunan industri desa perlu dipertingkatkan sehingga boleh bersaing dengan industri Bandar

Meningkatkan kemudahan infrastruktur dan utiliti, menyediakan saluran pemasaran dan skim-skim latihan untuk penduduk setempat di kawasan perindustrian desa. Penyelidikan R&D juga diperkenalkan supaya produktiviti dan kualiti produk keluaran industri desa boleh bersaing hingga ke tahap antarabangsa. Zon Industri Kecil dan Sederhana telah dikenal pasti terutamanya di BP8 Sg. Pelek iaitu di Banghunis bagi menyokong industri pembuatan makanan dari hasil pertanian yang aktif di kawasan tersebut.

### 2.3.10 Dasar EK21 Pembangunan Kawasan Pelancongan dilaksanakan secara terancang dan bersepadu

Kawasan pelancongan berpotensi di Zon Pelancongan Sepang akan dipertingkatkan dengan kemudahan sokongan pelancongan yang berkualiti dan saling melengkapi. Zon-zon pelancongan mengikut kesesuaian berdasarkan sumber semula jadi telah dikenal pasti dan langkah-langkah membangun serta mengawal telah disediakan dalam RTMPSepang (Pengubahan 1) 2020 ini.

### 2.3.11 Dasar SO1 Rumah yang berkualiti dan mampu dimiliki oleh semua lapisan masyarakat perlu disediakan mengikut keperluan

Zon-zon perumahan di koridor pembangunan berpotensi telah dikenal pasti dan kepadatan perumahan yang dibenarkan ditetapkan bagi memastikan pengagihan yang seimbang dengan keperluan masa hadapan dan penjanaan penduduk setempat. Pembangunan kawasan perumahan hendaklah mematuhi garis panduan yang dirumuskan dengan mengambilkira kualiti dan imej kawasan perumahan ke arah penyediaan kawasan perumahan yang selesa dan selamat sejajar dengan matlamat pembentukan komuniti sejahtera.

**2.3.12 Dasar SO6 Setiap petempatan menyediakan pusat-pusat komuniti bersepadu yang menempatkan kemudahan masyarakat yang berkualiti serta memenuhi keperluan semua golongan masyarakat**

Merancang dan mengenal pasti lokasi-lokasi strategik yang menempatkan kemudahan-kemudahan komuniti bersepadu yang berkualiti dan berbagai fungsi. Penyediaan kemudahan ini disepadukan dengan perancangan perumahan dan mesra pengguna untuk semua golongan masyarakat. Pusat komuniti sedia ada akan dilengkapi mengikut piawaian dan memenuhi keperluan pengguna.

**2.3.13 Dasar SO7 Kemudahan taman awam dan sukan hendaklah disediakan untuk keperluan semua pengguna secara bersepadu dan mengikut hierarki pusat penempatan**

Penyediaan kawasan lapang awam dan sukan adalah mengikut dan menggunakan pakai garis panduan kawasan lapang dan rekreasi. Ia disepadukan di kawasan pembangunan baru dan mempunyai kepelbagaian aktiviti yang memenuhi keperluan masyarakat. Kawasan lapang awam sedia ada akan dipertingkatkan dan dilengkapi dengan kemudahan sokongan seperti laluan pejalan kaki, lampu, papan tanda dan sebagainya.

**2.3.14 Dasar FZ3 Tanah pertanian yang sesuai dan berpotensi dikekalkan dan dimajukan sebagai kawasan pembangunan pertanian yang produktif dan berdaya maju**

Bahagian selatan kawasan rancangan tempatan terutama di BP8 Sg. Pelek dan BP7 Pinggiran KLIA telah dikekalkan sebagai zon pertanian dalam tempoh perancangan Rancangan Tempatan. Kawasan terutama sekitar Bukit Bangkong mempunyai tanah yang sesuai untuk tanaman buah-buahan dan adalah digalakkan untuk dibangunkan sebagai kawasan penanaman buah-buahan.

**2.3.15 Dasar FZ5 Kawasan Sensitif Alam Sekitar perlu diwartakan serta diurus berdasarkan jenis pembangunan atau guna tanah ditetapkan**

Kawasan Sensitif Alam Sekitar yang telah dikenal pasti adalah Hutan Simpan Kuala Langat, kawasan hutan paya bakau di sepanjang Sg. Sepang Besar dan Sg. Sepang Kecil, pesisiran pantai dari Tanjung Tombok hingga ke muara Sg. Sepang Besar, Delta

Bagan Lalang dan Sg. Langat. Garis panduan terperinci telah disediakan manakala kawasan hutan paya bakau dan sungai sepanjang Sg. Sepang Besar dan Kecil serta Delta Bagan Lalang telah dikenal pasti untuk penyediaan Rancangan Kawasan Khas mengikut peruntukan subSeksyen 16B(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

**2.3.16 Dasar FZ10 Pembangunan bandar-bandar dan petempatan-petempatan baru dilaksanakan berdasarkan hierarki dan fungsi ditetapkan**

Cyberjaya dan KLIA dikenal pasti sebagai pusat separa wilayah bagi Daerah Sepang sementara Ampar Tenang dan Sg. Pelek pula merupakan pusat petempatan utama. Pembangunan bandar-bandar dan petempatan baru dilaksanakan berdasarkan hierarki dan fungsi yang ditetapkan oleh RSN Selangor 2020.

**2.3.17 Dasar FZ33 Industri yang mencemar dan bercanggah dengan jenis pembangunan setempat perlu dipindahkan ke zon perindustrian yang telah dikenal pasti**

Kawasan-kawasan industri sedia ada telah dizonkan sebagai zon industri di mana langkah-langkah kawalan dan zon penampakan dipertingkatkan manakala industri yang terletak di luar zon perindustrian yang bercanggah dengan guna tanah sekitar dipindah ke lokasi yang bersesuaian dan dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur selaras dengan keperluan industri tersebut.

**2.3.18 Dasar FZ34 Potensi kawasan perindustrian dipertingkatkan melalui penyediaan infrastruktur dan kemudahan sokongan**

Meningkatkan kawasan perindustrian sedia ada dengan sistem infrastruktur yang cekap seperti jaringan jalan raya, pelupusan sisa pepejal yang sistematik, kualiti pengangkutan awam dan penyediaan zon penampakan yang mencukupi.

**2.3.19 Dasar FZ43 Produk-produk pelancongan perlu dimajukan secara bersepadu mengikut zon dan tema**

Kawasan-kawasan pelancongan di BP8 Sg. Pelek dalam Daerah Sepang telah dikenalpasti sebagai zon pelancongan oleh RSN Selangor 2020. Kawasan-kawasan ini akan dibangunkan mengikut zon-zon pembangunan yang berdasarkan kekuatan



tempatan yang terdiri daripada pelancongan rekreasi dan sukan di Litar Lumba Formula 1, KLIA, pelancongan semula jadi di pesisiran Sg. Sepang Besar, Sg. Sepang Kecil dan pesisiran Pantai Bagan Lalang, pelancongan warisan sejarah dan budaya di petempatan-petempatan desa terutamanya di Banghuris, pelancongan MICE di KLIA, Cyberjaya dan Bagan Lalang. Infrastruktur sokongan akan dipertingkatkan di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti bagi pembangunan pelancongan kawasan rancangan tempatan sejajar dengan dasar RSN Selangor 2020.

### 2.3.20 Dasar FZ67 Imej kampung tradisi akan terus dipelihara

Kampung tradisi kaya dengan warisan budaya bangsa yang dapat dilihat melalui rekabentuk bangunan, komuniti, kesenian dan kebudayaan. Oleh itu, perkampungan tradisi akan terus dikekalkan dan disepadukan dengan program Gerakan Daya Wawasan, berdasarkan Agenda 21 Selangor. Kampung-kampung yang telah dikenal pasti akan dipelihara adalah Kg. Hulu Chuchoh, Kg. Bukit Bangkong dan Kg. Hulu Teris.

### 2.3.21 Dasar FZ68 Infrastruktur dan kemudahan awam di baik pulih dan dipertingkatkan bagi kawasan kampung tradisi, kampung baru dan perkampungan orang asli

Kampung tradisi, kampung baru dan kampung orang asli yang dikenal pasti akan dibaik pulih dan dipertingkatkan supaya lebih selesa, bersih dan teratur serta mempamerkan imej dan karakter tersendiri.

### 2.3.22 Dasar EK3 C1 Mempertingkatkan infrastruktur dan utiliti serta kemudahan awam di Wilayah Lembah Klang

Menyediakan kemudahan infrastruktur dan utiliti yang lengkap merupakan salah satu matlamat yang hendak dicapai dalam penyediaan RTMP Sepang (Pengubahan 1) 2020. Hasrat ini akan diterjemahkan melalui cadangan-cadangan jalan dan lebuh raya yang dapat menghubungkan sesebuah kawasan dengan kawasan yang lain di dalam Daerah Sepang di mana secara tidak langsung akan dapat meningkatkan lagi tahap kecekapan sistem perhubungan.

### 2.3.23 Dasar EK3 C3 Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengangkutan awam dan aksesibiliti di seluruh Wilayah Lembah Klang

Dalam usaha menterjemah dasar ini di peringkat penyediaan rancangan tempatan, beberapa cadangan untuk mempertingkatkan lagi kualiti pengangkutan awam akan diberikan. Contohnya cadangan untuk menjadikan kawasan Ampar Tenang sebagai *Transit Zone* di mana menjadikan kawasan ini sebagai pusat transit dengan mengambil faedah dari terdapatnya sebuah stesen ERL di kawasan tersebut. Selain itu juga, penyediaan kemudahan pengangkutan awam seperti LRT yang menghubungkan antara Cyberjaya dengan Putrajaya juga menunjukkan komitmen rancangan tempatan ini dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam.

## 2.4 Dasar Landskap Negara (DLN)

Dasar Landskap Negara (DLN) merupakan suatu dasar pembangunan untuk mewujudkan landskap yang menyeluruh, berkualiti, beridentiti dan mampan bagi merealisasikan Wawasan Negara Taman Terindah yang menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup dan daya saing ekonomi negara. Visi DLN adalah Menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah Menjelang Tahun 2020 dengan mewujudkan landskap yang berfungsi dan mampan berasaskan alam semulajadi Malaysia dalam merealisasikan Wawasan Negara Taman Terindah. Prinsip DLN adalah seperti berikut:

1. Etika pemuliharaan landskap semulajadi yang telah lama berakar umbi dalam nilai agama dan nilai budaya semua rakyat Malaysia perlu dikekalkan.
2. Sumber landskap semulajadi adalah khazanah yang perlu dipelihara dan diuruskan secara mampan sebagai pelaburan untuk menghasilkan faedah kepada negara.
3. Landskap yang mengutamakan ciri semulajadi, iklim dan ekologi setempat akan menghasilkan persekitaran kehidupan berkualiti.
4. Melandskapkan negara melalui usaha yang terancang rapi di peringkat nasional, negeri dan tempatan adalah tanggungjawab semua lapisan masyarakat.
5. Kerajaan bertanggungjawab untuk melaksanakan Dasar Landskap Negara dengan kerjasama rapat semua pihak.
6. Kesedaran awam dan pendidikan berterusan adalah penting bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah.

Terdapat tujuh (7) teras utama yang menjadi tonggak utama dalam dasar ini seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2-2.

TERAS DASAR LANDSKAP NEGARA	
TERAS 1	Membudayakan Kecintaan Terhadap Landskap.
TERAS 2	Memantap dan Mempertingkatkan Kualiti Landskap bagi Mencapai Matlamat Negara Taman Terindah.
TERAS 3	Membangunkan Program Pembangunan Landskap bagi Penyediaan Infrastruktur Hijau yang Berfungsi dan Mampan.
TERAS 4	Memelihara Landskap Semulajadi sebagai Khazanah Negara
TERAS 5	Membangunkan Organisasi dan Sumber Manusia Kompeten untuk Pembangunan Landskap Negara.
TERAS 6	Menyediakan Perundangan, Peraturan dan Penguatkuasaan Landskap
TERAS 7	Memacu Industri Landskap Negara.

Jadual 2-2: Teras bagi Dasar Landskap Negara.

## 2.5 Dasar Pembangunan Negara (DPN)

DPN telah dilancarkan oleh Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 17 Jun 1991 rentetan daripada Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP 1) dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1990. DPN Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP 2) 1991-2000 telah digubal berasaskan DPN, di mana menjadi titik tolak satu lagi era baru di dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Perpaduan negara adalah menjadi matlamat utama DPN kerana masyarakat yang bersatu padu adalah penting untuk memperkukuhkan lagi kestabilan sosial dan politik serta dapat mengekalkan pembangunan ekonomi yang berterusan.

Strategi pelaksanaan DPN masih mengekalkan strategi asas DEB iaitu pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat untuk memperbaiki ketidakseimbangan sosial dan ekonomi antara kaum dan dengan ini akan menyumbangkan ke arah mengukuhkan perpaduan negara. Namun, berlandaskan kepada kekuatan dan kelemahan yang dicapai oleh DEB, DPN telah mengambil langkah dengan mewujudkan dimensi baru. Penekanan dibuat dalam usaha mempertingkatkan pembangunan ekonomi, terutamanya dalam membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Dimensi-dimensi baru DPN adalah seperti berikut:

- i. Memberi penekanan dan tumpuan kepada golongan termiskin di samping mengurangkan kemiskinan relatif.
- ii. Untuk memperbaiki ketidakseimbangan sosial dan ekonomi, tumpuan akan diberikan juga kepada pembangunan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) sebagai satu strategi penting ke arah meningkatkan dan seterusnya mengekalkan penyertaan Bumiputera dalam kegiatan ekonomi;
- iii. Meningkatkan penekanan kepada sektor swasta untuk melibatkan diri dalam proses penyusunan semula masyarakat;
- iv. Selain itu, tumpuan kepada pembangunan sumber manusia termasuk sistem nilai dan etika bagi mencapai matlamat pertumbuhan ekonomi dengan lebih seimbang.

## 2.6 Dasar Sosial Negara (DSN)

Dasar Sosial Negara (DSN) ialah dasar payung yang merangkumi falsafah dan semua dasar pembangunan sosial berteraskan kepada Perlembagaan, Rukun Negara dan Wawasan 2020 Malaysia serta komitmen negara di peringkat antarabangsa. DSN memberikan panduan bagi pelaksanaan dan pengurusan pembangunan sosial, setanding dan seiring dengan pembangunan ekonomi untuk menghasilkan suatu kemajuan masyarakat yang mantap dan seimbang.

DSN bertujuan mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang maju dan mapan dari segi sosial, ekonomi dan teknologi dengan setiap anggota masyarakat berpeluang serta berkeinginan untuk memperkembangkan potensi diri secara optimum di dalam persekitaran sosial yang sihat berdasarkan ciri-ciri bersatu padu, berdaya tahan, demokratik, bermoral, bertoleransi, progresif, penyayang, adil dan saksama selaras dengan matlamat Wawasan 2020.

Selaras dengan pernyataan matlamat tersebut, DSN menggariskan empat objektif khusus yang saling melengkapi dengan menerapkan nilai-nilai murni di setiap peringkat pelaksanaannya. Antaranya ialah:-

**i. Memastikan Keperluan Asas Individu, Keluarga dan Masyarakat Dipenuhi.**

Bagi menjamin kesejahteraan menyeluruh, hendaklah dipastikan supaya setiap individu, keluarga dan masyarakat berhak menikmati:-

- a. Keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal secukupnya;
- b. Persekitaran fizikal yang sihat, bersih, selamat dan mesra insan;
- c. Persekitaran sosial yang mengutamakan nilai-nilai murni;
- d. Peluang untuk meningkatkan kualiti hidup dari segi kesihatan, pendidikan, pekerjaan / kerjaya,
- e. Keselamatan, kerohanian dan maklumat;
- f. Kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat serta hak sebagai warganegara yang dilindungi oleh undang-undang; dan
- g. Keperluan hidup yang lain sesuai dengan perkembangan semasa.

**ii. Membangun dan Memperkasakan Insan Sepanjang Hayat.**

Segala tindakan adalah bertujuan membangun dan memperkasakan setiap individu tanpa membezakan kumpulan etnik, agama, budaya, jantina, wilayah, fahaman politik, taraf perkahwinan dan keupayaan fizikal serta mengambil kira kepekaan terhadap keperluan dan kehendak jantina. Ini bagi memastikan individu dapat mengguna dan mempertingkatkan sumber serta kebolehan sendiri secara optimum bagi mencapai matlamat sendiri dan masyarakat pada setiap peringkat kitaran hidup. Usaha berterusan hendaklah dibuat bagi memastikan setiap individu memberi dan menerima kemesraan dan kasih sayang sepanjang hayat.

**iii. Memperkukuhkan dan Membangunkan Sistem Sokongan Sosial dan Perkhidmatan Sosial.**

Segala usaha perlu diambil untuk memperkuatkan sistem sokongan sosial yang sedia wujud iaitu sistem keluarga, komuniti, kumpulan etnik, agama, pendidikan dan organisasi sosial untuk membantu setiap anggota masyarakat membangun dan berfungsi secara optimum serta berfungsi sebagai sistem kawalan sosial. Selain itu, sistem sokongan yang baru sebagai tambahan perlu diwujudkan bagi tujuan tersebut. Semua sektor yang terlibat di dalam sistem penyampaian perkhidmatan sosial perlu saling menyokong dan

melengkapi untuk menentukan anggota masyarakat yang memerlukan mendapat pilihan perkhidmatan bermutu.

**iv. Menjana Sinergi Multi Sektor.**

Kerjasama di kalangan sektor awam serta antara sektor awam dengan sektor swasta dan sukarela perlu dipertingkatkan supaya wujud satu sinergi tenaga dan sumber dalam masyarakat untuk tujuan menjamin perkhidmatan sosial yang terbaik bagi semua anggota masyarakat, berasaskan konsep bahawa pembangunan sosial adalah tanggungjawab bersama. Persaingan dan pertindihan peranan antara pelbagai agensi dan sektor perlu dikurangi dan diatasi agar penggunaan sumber dan tenaga dapat dioptimumkan.

**2.6.1 Bidang Keberhasilan Utama Negara / National Key Results Areas (NKRA)**

Enam (6) bidang keberhasilan utama negara telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Julai 2009 yang merangkumi aspek berikut:

- a. Meluaskan akses kepada pendidikan yang berkualiti dan berkemampuan.
- b. Mengurangkan kadar jenayah.
- c. Memerangi rasuah.
- d. Meningkatkan taraf hidup rakyat yang berpendapatan rendah.
- e. Memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman.
- f. Menambah baik pengangkutan awam dalam jangka masa sederhana.

NKRA berperanan dalam mewujudkan Program Bandar Selamat yang diwujudkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di mana perancangan pembangunan landskap yang terancang dapat mengurangkan kadar jenayah serta mewujudkan persekitaran perbandaran yang lebih selamat. Disamping itu juga strategi Program Bandar Selamat juga menekankan rekabentuk persekitaran fizikal yang menitikberatkan pembangunan landskap dan melibatkan pengurusan, penglibatan komuniti dan kesedaran orang awam.



## 2.7 Dasar Perbandaran Negara

Dasar Perbandaran Negara merupakan dasar yang memandu dan menyelaras perancangan dan pembangunan perbandaran negara supaya lebih efisien dan sistematik khususnya bagi mengurus peningkatan jumlah penduduk bandar pada tahun 2020 dengan penekanan terhadap keseimbangan pembangunan sosial, ekonomi dan fizikal di dalam bandar. Dasar Perbandaran Negara akan dijadikan teras utama dalam semua aktiviti perancangan dan pembangunan bandar di Semenanjung Malaysia termasuk penyediaan rancangan-rancangan pemajuan di peringkat negeri dan tempatan. Dasar ini akan menggariskan perkara-perkara teras, dasar-dasar, langkah-langkah dan pelan tindakan pelaksanaan bagi menyelaras dan mengurus perbandaran negara.

Jadual 2-3 menunjukkan dasar-dasar Dasar Perbandaran Negara yang akan diambil kira dalam kajian PIL Sepang:

TERAS 1: PEMBANGUNAN PERBANDARAN YANG EFISIEN DAN MAMPAN	
DASAR	
DPN2	Pembangunan bandar-bandar perlu berdasarkan kepada sistem hierarki bandar DPN.
DPN3	Setiap pembangunan bandar perlu berdasarkan kepada Rancangan Pembangunan dan Pemajuan yang disediakan.
DPN4	Had pembangunan bandar ditentukan berasaskan daya tampungan bagi setiap bandar di seluruh negara.
DPN5	Perancangan guna tanah yang optimum dan seimbang perlu diberi penekanan dalam pembangunan bandar.
DPN6	Pembangunan bandar perlu memberi keutamaan kepada pembangunan semula di dalam kawasan bandar.
DPN7	Pembangunan kampung di dalam bandar perlu di integrasi dengan pembangunan bandar.
DPN8	Kawasan Sensitif Alam Sekitar dan Kawasan Pertanian Utama perlu dipulihara.

DPN9	Kawasan lapang dan rekreasi yang mencukupi perlu disediakan mengikut keperluan penduduk.
TERAS 2: PEMBANGUNAN EKONOMI BANDAR YANG KUKUH, DINAMIK & BERDAYA SAING	
DPN12	Bandar-bandar yang mempunyai fungsi dan ciri-ciri khas dibangunkan mengikut potensi dan keistimewaan masing-masing.
TERAS 3: SISTEM PENGANGKUTAN BANDAR YANG BERSEPADU DAN EFISIEN	
DPN15	Sistem pengangkutan awam yang bersepadu, efisien dan mesra pengguna dibangunkan.
DPN16	Sistem pengurusan lalu lintas yang lebih menyeluruh dilaksanakan untuk memastikan pergerakan lalu lintas yang lebih cekap dan berkesan.
DPN17	Rangkaian jalan raya yang lebih menyeluruh dibangunkan bagi meningkatkan aksesibiliti dan mobiliti di dalam dan di antara bandar.

**Jadual 2-3:** Dasar Perbandaran Negara.  
Sumber: Dasar Perbandaran Negara

## 2.8 Rancangan Tempatan Daerah Sepang

RTMP Sepang (Pengubahan 1) 2020 disediakan dengan mengkaji perancangan dan pembangunan kawasan rancangan tempatan dari sudut yang lebih terperinci.

Secara asasnya ia menterjemah dasar dan strategi Rancangan Struktur Negeri ke dalam perancangan spatial yang dibuat melalui penjana Peta Cadangan.

Ia disokong dengan pernyataan bertulis dan garis panduan-garis panduan pembangunan bagi tujuan kawalan dan pelaksanaan pembangunan.

Rancangan Tempatan turut memperincikan cadangan-cadangan untuk pemajuan dan penggunaan tanah seperti mana peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) seperti berikut:

- a. Sesuatu rancangan tempatan hendaklah mengandungi suatu peta dan suatu pernyataan bertulis dan hendaklah:
- i. Menyatakan, dengan selengkap yang difikirkan sesuai oleh pihak berkuasa perancangan tempatan itu, cadangan-cadangannya untuk pemajuan dan penggunaan tanah dalam kawasan rancangan tempatan itu, termasuklah langkah-langkah yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa perancangan tempatan untuk pemajuan dan penggunaan tanah, melindungi dan memperelok alam sekitar, memelihara topografi semula jadi, memperelok, menanam dan memelihara landskap, memelihara dan mengindahkan ciri dan rupa bentuk bangunan, memperbaiki sistem komunikasi dan mengendalikan lalu lintas;
  - ii. Sesuatu rancangan tempatan bagi sesuatu kawasan hendaklah mengandungi, atau disertakan dengan gambarajah-gambarajah, gambaran-gambaran dan bahan memperihal yang difikirkan sesuai oleh pihak berkuasa perancangan tempatan untuk menjelaskan atau menerangkan cadangan-cadangan dalam rancangan itu.

## 2.9 Akta-Akta Berkaitan

### 2.9.1 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)

Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) adalah suatu akta berhubung dengan mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan memperbaiki alam sekeliling, dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya. Antara peruntukan yang berkaitan dengan perancangan landskap melibatkan perkara Larangan dan Kawalan Mengenai Pencemaran (Seksyen 22 hingga 25)

### 2.9.2 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)

Dalam Akta 172, Bahagian III – Rancangan Kemajuan, Seksyen 12 menunjukkan perkara yang berkaitan dengan perancangan landskap iaitu:

- a. Sesuatu draf rancangan tempatan hendaklah mengandungi apa-apa perincian yang difikirkan sesuai oleh Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan mengenai cadangannya bagi :
- Memajukan;
  - Menggunakan tanah dalam;
  - Melindungi dan memperelok alam sekitar dari segi fizikal bagi;
  - Memelihara topografi semula jadi;
  - Memelihara dan menanam pokok dalam;
  - Mengadakan tanah lapang dalam;
  - Memelihara dan mengindahkan ciri dan rupa bangunan dalam;
  - Memperbaiki sistem komunikasi dalam; dan
  - Mengendalikan lalu lintas dalam kawasan rancangan tempatan; dan

Mengandungi perkara-perkara yang ditetapkan atau yang ditentukan oleh Jawatankuasa dalam sesuatu kes tertentu.

Bahagian IV – Pengawalan Rancangan, Akta 172 dalam Seksyen 21A berkenaan Laporan Cadangan Pemajuan yang mana:

Sebagai tambahan kepada dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang dikehendaki supaya disampaikan di bawah Seksyen 21(1) untuk kebenaran merancang, pemohon hendaklah menyampaikan suatu laporan cadangan pemajuan yang mengandungi perkara-perkara berikut;

- Konsep dan justifikasi pemajuan;
- Peta lokasi dan pelan tapak;
- Butir-butir hak milik tanah dan sekatan ke atas tanah, jika ada;
  - Perihal tanah, dari segi topografinya, landskapnya, geologinya, konturnya, salirannya, air dan tadahan air dan bentuk-bentuk semula jadi di atasnya;
  - Hasil tinjauan pokok-pokok dan semua jenis tumbuh-tumbuhan; dan
  - Butir-butir bangunan yang berkemungkinan disentuh oleh pemajuan itu.

- Analisis guna tanah dan kesannya terhadap tanah yang bersebelahan;
- Pelan-pelan susun atur yang mengandungi butir-butir yang ditentukan dalam Seksyen 21(B);
- Perkara-perkara lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.

Dalam Seksyen 21B, Akta 172 menerangkan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pelan susun atur. Antaranya adalah seperti berikut;

Pelan-pelan susun atur di bawah perenggan (f) Seksyen 21A(1) hendaklah menunjukkan pemajuan yang dicadangkan khususnya;

- Jika pemajuan itu berkenaan dengan mana-mana tanah;
  - Langkah-langkah bagi melindungi dan memperelok alam sekitarnya dari segi fizikal;
  - Langkah-langkah bagi melindungi topografi semula jadi;
  - Langkah-langkah bagi memperelok landskap;
  - Langkah-langkah bagi memelihara dan menanam pokok-pokok di atasnya;
  - Lokasi dan jenis pokok yang lilitannya melebihi 0.8 meter dan tumbuh-tumbuhan lain di atasnya;
  - Pengadaan tanah lapang;
  - Cadangan kerja tanah, jika ada; dan
  - Perihal kerja-kerja yang hendak dijalankan.
- Jika pemajuan itu berkenaan dengan sesuatu bangunan yang mempunyai seni bina tersendiri atau kepentingan sejarah, butir-butir untuk mengenal pasti bangunan itu termasuklah kegunaannya dan keadaannya serta ciri-cirinya, rupanya, binaannya dan bentuknya yang tersendiri dan langkah-langkah bagi melindunginya, memeliharanya dan mengindahkannya.
- Jika pemajuan itu melibatkan kerja bangunan, butir-butir mengenai ciri-ciri dan rupa bangunan-bangunan yang terletak di kawasan sekeliling.

Manakala dalam Bahagian VA – Perintah Pemeliharaan Pokok, Seksyen 35A, Akta 172 juga menunjukkan perkara seperti berikut;

- Jika Pihak Berkuasa Perancang Tempatan berpendapat bahawa adalah sesuai manfaat bagi kepentingan keselesaan untuk memelihara mana-mana pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok dalam kawasanya, ia boleh membuat suatu perintah pemeliharaan pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok itu.
- Suatu perintah pemeliharaan pokok boleh secara khusus mengadakan peruntukan;
  - Bagi melarang penebangan pokok-pokok kecuali dengan kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dan tertakluk kepada syarat-syarat, jika ada yang dikenakan olehnya;
  - Bagi memastikan pokok-pokok di tanam atau diganti melalui penanaman semula mengikut cara yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.
- Seksyen kecil (2)(a) tindakan terpakai bagi penebangan sesuatu pokok;
  - Yang hampir mati atau telah mati;
  - Bagi mencegah bahaya yang hampir berlaku; dan
  - Jika ia berlaku sebagai mematuhi mana-mana undang-undang bertulis
- Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan dalam perintah pemeliharaan pokok adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan, apabila disabitkan, denda tidak lebih dari satu ribu ringgit (RM 1,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.
- Jika di dalam mana-mana prosiding bagi suatu kesalahan di bawah Seksyen ini, telah dibuktikan bahawa sesuatu pokok telah ditebang oleh penduduk tanah yang di atasnya pokok itu tumbuh.

Dalam Seksyen 35B pula menyatakan seperti berikut;

Walau apa pun Seksyen 35A, suatu perintah pemeliharaan pokok boleh dibuat berkenaan dengan pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan di bawah perenggan (f) dan (g) Seksyen 22(5).

Dalam Seksyen 35C pula menunjukkan perkara seperti berikut;

- Suatu perintah pemeliharaan pokok;
- Mana-mana peruntukan dalam suatu perintah pemeliharaan pokok;
  - Penolakan pemberian bertulis; dan
  - Mana-mana syarat yang dikenakan ke atas pemberian suatu kebenaran bertulis; di bawah perenggan (a) Seksyen 35A(2); atau
- Suatu perintah untuk menanam atau menggantikan pokok di bawah perenggan (b) Seksyen 35A(2) boleh merayu kepada Lembaga Rayuan, dalam masa satu bulan dan tarikh dia diberitahu tentang perintah, penolakan atau penganan syarat-syarat itu.

Dalam Seksyen 35D pula menunjukkan perkara seperti berikut:

- Jika tuan tanah yang tanahnya dimaksudkan oleh suatu perintah pemeliharaan pokok membuktikan bahawa dia mengalami kerugian berupa kekusutan dalam nilai tanahnya kerana mematuhi perenggan (a) hingga (d) Seksyen 35C(1), dia boleh menuntut pampasan daripada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.
- Suatu tuntutan pampasan di bawah Seksyen kecil (1) hendaklah disampaikan kepada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan;
  - Dalam masa enam bulan dari tarikh;
    - Perintah pemeliharaan pokok;

- Penolakan pemberian kebenaran bertulis atau penganan syarat-syarat di bawah perenggan (a) Seksyen 35A(2); dan
- Perintah untuk menggantikan pokok di bawah perenggan (b) Seksyen 35(2) itu diberitahu kepada tuan tanah itu.
- Jika rayuan dibuat di bawah Seksyen 35C(1) dalam masa enam bulan dari tarikh keputusan Lembaga Rayuan mengesahkan perintah, penolakan atau penganan syarat-syarat yang dirayukan itu.
- Jika tuan tanah itu tidak berpuas hati dengan amaun pampasan yang ditawarkan, dia boleh dalam masa satu bulan dari tarikh *inward* itu merayu kepada Lembaga Rayuan yang mempunyai kuasa untuk mengesahkan atau mengubah amaun pampasan yang ditawarkan itu.

Dalam Seksyen 35E pula menunjukkan perkara seperti berikut;

- Maka orang yang di dapati bersalah di bawah Seksyen 35A(4) kerana menebang mana-mana pokok yang berkenaan dengannya suatu perintah pemeliharaan pokok berkuat kuasa pada masa ini, secara yang bersalahan dengan perintah pemeliharaan pokok itu, adalah berkewajipan untuk menggantikan pokok itu dengan menanam suatu pokok yang lain;
  - Daripada saiz dan spesies yang sesuai;
  - Di tempat yang sama atau berdekatan dengan tempat yang sama atau tempat lain;
  - Dalam masa; dan
  - Tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan melainkan jika Pihak Berkuasa Perancang Tempatan mengetepikan keperluan ini atas permohonan orang itu atau atas permohonan mana-mana orang lain atau mengikut budi bicara Pihak Berkuasa Perancang Tempatan itu sendiri.

- Masa yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan di bawah Seksyen kecil 1(c) bagi menggantikan pokok boleh dilanjutkan sekali atas permohonan orang yang berkewajipan menggantikan pokok itu;
- Mana-mana orang yang terkilan dengan;
  - Penolakan permohonan untuk mengetepikan keperluan menggantikan pokok-pokok di bawah Seksyen kecil (1);
  - Mana-mana perintah yang diberikan di bawah Seksyen kecil (1)(a) atau (b);
  - Mana-mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah Seksyen kecil (1)(d); dan
  - Penolakan lanjutan masa di bawah Seksyen kecil (2);
  - Boleh merayu kepada Lembaga Rayuan, dalam masa satu bulan dari tarikh diberitahu tentang perintah, penolakan atau penganan terma dan syarat itu
- Berhubungan dengan mana-mana pokok yang ditanam semula di bawah Seksyen kecil (1), perintah pemeliharaan pokok yang relevan hendaklah terpakai baginya sebagaimana ia terpakai bagi pokok asal;
- Jika orang yang berkewajipan untuk menggantikan pokok di bawah Seksyen (1) tidak berbuat sedemikian, dia adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan,
- Apabila disabitkan, denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit (RM 1,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Dalam Seksyen 35F pula menunjukkan perkara seperti berikut;

Dalam hal suatu kegagalan untuk menggantikan pokok di bawah Seksyen 35E(1), Pihak Berkuasa Perancang Tempatan boleh meneruskan untuk menggantikan pokok itu dan, walaupun denda di bawah Seksyen 35E(5) telah dijelaskan, kesemua kos dan perbelanjaan yang munasabah dilakukan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan untuk menggantikan pokok itu hendaklah dibayar ganti oleh orang yang berkewajipan untuk menggantikannya.

Dalam Seksyen 35G pula menunjukkan perkara seperti berikut;

Pihak Berkuasa Perancang Tempatan boleh meminda atau membatalkan suatu perintah pemeliharaan pokok termasuklah bagi maksud memberikan kebenaran merancang di bawah Seksyen 22(3) berkenaan dengan suatu kawasan yang mengenai suatu perintah pemeliharaan pokok berkuat kuasa pada masa ini.

Dalam Seksyen 35H pula menunjukkan perkara seperti berikut:

- Tiada seorang pun boleh menebang suatu pokok yang lilitannya melebihi 0.8 meter yang tidak tertakluk kepada suatu perintah pemeliharaan pokok tanpa kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Perancang Tempatan, melainkan jika penebangan itu;
  - Adalah berkenaan dengan pokok sedemikian yang hampir mati atau telah mati;
  - Adalah bagi mencegah bahaya yang hampir benar berlaku; dan
  - Adalah sebagai mematuhi mana-mana undang-undang bertulis lain.
- Bagi maksud Seksyen kecil (1), lilitan suatu pokok hendaklah diukur setengah meter dari bumi dengan syarat bahawa lilitan pokok yang berbanir hendaklah diukur ke atas dari banir itu;

### 2.9.3 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)

Akta ini diluluskan oleh Parlimen di bawah subperkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan untuk memastikan keseragaman undang-undang di seluruh negara. Perkara ini ditegaskan dalam *Preamble* Akta ini, yang menyebutkan peri mustahaknya dibuat satu undang-undang mengenai "perkara-perkara kerajaan tempatan berhubung dengan jalan, parit dan bangunan" bagi menentukan "persamaan undang-undang dan dasar." Walau bagaimanapun, Akta ini dipakai di Malaysia Barat sahaja. Antara Seksyen yang terlibat adalah :-

#### i. Seksyen 36 - Pagar tumbuhan dan pokok yang bersempadan dengan jalan hendaklah dipangkas.

(1) Pihak berkuasa tempatan boleh dengan notis secara bertulis menghendaki pemunya atau penduduk mana-mana tanah supaya memangkas atau menutup pagar tumbuhan di atasnya yang



bersempadanan dengan mana-mana jalan supaya pagar tumbuhan itu tidak lebih daripada tujuh kaki tingginya daripada aras jalan, dan, mengenai pagar tumbuhan dalam lingkungan lima belas ela dari sesuatu sudut, tidak lebih daripada empat kaki tingginya daripada aras jalan itu, dan supaya memotong dan memangkas semua pokok atau dahan yang terjantai atas mana-mana jalan.

(2) Jika pemunya atau penduduk tidak mematuhi notis itu dalam tempoh yang ditentukan dalamnya, pihak berkuasa tempatan sendiri boleh mengarahkan supaya kerja itu dilakukan dan menuntut kos dan belanjanya mengikut cara yang diperuntukkan kemudian daripada i.

**ii. Seksyen 38 - Pokok tidak boleh ditanam dalam lingkungan dua belas kaki daripada jalan.**

(1) Tiada apa-apa pokok boleh ditanam dalam lingkungan dua belas kaki daripada mana-mana jalan atau lorong belakang melainkan jika ianya adalah dari jenis yang dibenarkan oleh pihak berkuasa tempatan.

(2) Seseorang yang menanam apa-apa pokok bersalahan dengan Seksyen ini boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ratus ringgit, dan pokok itu boleh ditebang atau digali dengan perintah pihak berkuasa tempatan.

Pampasan dalam hal tertentu

(3) Mana-mana pokok yang ada dalam jarak dua belas kaki daripada mana-mana jalan atau lorong belakang atau yang terjantai atas mana-mana jalan atau lorong belakang boleh ditebang atau digali dengan perintah pihak berkuasa tempatan:

Dengan syarat bahawa jika pokok itu adalah pokok buah-buahan dan ianya telah ditanam sebelum jalan atau lorong belakang itu disusun atur atau dicadang bagi suatu jalan atau lorong belakang, pihak berkuasa tempatan hendaklah memberi suatu pampasan sebanyak yang patut tidak melebihi lima puluh ringgit kepada pemunya.

**iii. Seksyen 38 - Mencegah kebakaran rumput.**

(1) Jika pihak berkuasa tempatan berpuas hati bahawa apa-apa rumput, atau tumbuh-tumbuhan lain sama ada tumbuh atau tidak adalah dalam keadaan yang mudah terbakar atau mungkin menjadi merbahaya kepada nyawa atau harta sekiranya ia terbakar, pihak berkuasa tempatan boleh dengan notis secara bertulis menghendaki pemunya atau penduduk tanah di mana rumput atau tumbuh-tumbuhan itu tumbuh atau terletak supaya membuangnya daripada tanah itu dalam suatu tempoh yang ditentukan oleh notis itu.

(2) Jika notis itu tidak dipatuhi, pihak berkuasa tempatan boleh pada bila-bila masa selepas tamat tempoh yang ditentukan itu, jika difikirkannya patut, mengarahkan supaya kerja yang ditentukan dalam notis itu dilakukan, dan kos dan belanja bagi berbuat demikian hendaklah dibayar kepada pihak berkuasa tempatan oleh pemunya atau penduduk yang mungkir itu dan boleh dituntut mengikut cara yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

(3) Jika berlaku apa-apa kebakaran atas mana-mana tanah yang mengenainya suatu notis di bawah subSeksyen (1) telah diberi selepas masa yang dihadkan oleh notis itu dan sebelum notis itu dipatuhi dengan sepenuhnya, kos dan belanja bagi memadamkan api itu yang dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan hendaklah dibayar kepadanya oleh pemunya atau penduduk yang mungkir itu dan boleh dituntut mengikut cara yang diperuntukkan kemudian daripada ini dan suatu perakuan berkenaan dengan amaun kos dan belanja itu yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan adalah menjadi keterangan muktamad bahawa amaun itu telah dilakukan sedemikian.

**2.9.4 Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)**

Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) merupakan satu akta yang terpenting serta mempunyai kuasa yang sangat luas dalam bidang pentadbiran tanah di negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Tujuan utama akta ini adalah untuk memastikan wujudnya keseragaman perundangan dan polisi yang berkaitan dengan pentadbiran tanah serta penggunaannya, yang antara lain termasuk hak milik, urus niaga dan kutipan hasil pendapatan daripadanya.

### 2.9.5 Akta Perkhidmatan Pembentukan

Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkhidmatan Pembentukan 1993 hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.

- (a) bagi mula berkuatkuasanya Akta ini di bahagian-bahagian yang berlainan di Malaysia;
- (b) bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini; atau
- (c) bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini di bahagian-bahagian yang berlainan di Malaysia.
- (d) Menteri boleh menggantung kuatkuasa keseluruhan atau mana-mana peruntukan Akta ini di mana-mana bahagian di Malaysia.

Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain "efluen industri" ertinya sisa cecair atau air sisa yang terhasil oleh sebab atau semasa proses pengeluaran yang berlaku di mana-mana premis perindustrian; "enap cemar kumbahan" ertinya campuran baki pepejal atau cecair yang terhasil semasa pengolahan separa atau penuh kumbahan tetapi tidak termasuk efluen kumbahan terolah yang dilepaskan melalui paip pelupusan;

### 2.9.6 Akta Pengambilan Tanah 1980

Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan menjamin hak pemilikan harta. Pelucutan hak pemilikan harta hanya boleh dilakukan mengikut undang-undang dan dengan membayar pampasan yang mencukupi. Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486) memperuntukkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri (PBN) boleh mengambil tanah yang dikehendaki:

- bagi mana-mana maksud awam;
- oleh mana-mana orang atau perbadanan bagi apa-apa maksud yang pada pandangan PBN memberi faedah kepada pembangunan ekonomi Malaysia atau mana-mana bahagian daripadanya atau kepada orang awam amnya atau mana-mana kumpulan orang awam; atau

- bagi maksud perlombongan, atau bagi maksud-maksud kediaman, pertanian, perdagangan dan perindustrian atau maksud rekreasi atau kombinasi mana-mana maksud tersebut.

#### A. Keperluan Pengambilan Tanah

Kerajaan terpaksa mengambil tanah milik kerana tanah Kerajaan adalah terhad dan mungkin tidak sesuai dari segi saiz atau lokasi yang diperlukan untuk projek pembangunan atau infrastruktur. Proses pengambilan tanah juga dapat mengatasi masalah pindahmilik dan halangan-halangan perundangan yang mengambil masa yang lama sekiranya tanah itu diperolehi melalui proses pembelian terus.

### 2.9.7 Akta Pemuliharaan Tanah (Akta 385)

Akta ini hanya terpakai di Negeri-negeri di Malaya (Semenanjung Malaysia) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Artikel 95D, Perlembagaan Persekutuan, Akta ini tidak terpakai di Negeri Sabah dan Sarawak. Begitu juga dengan Undang-undang Sabah berkaitan pemuliharaan tanah adalah terpakai kepada Wilayah Persekutuan Labuan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 6 (1) AktaPerlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1984.

Memandangkan Akta ini adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang terletak dalam bidang kuasa perundangan Negeri, selaras dengan Artikel 76 (3) Perlembagaan Persekutuan, ia hanyalah berkuatkuasa di mana-mana Negeri sekiranya ia diterima pakai di dalam Undang-undang Negeri tersebut. Sehubungan itu, Akta ini telah diterima pakai oleh Negeri-negeri berikut melalui:

- Enakmen Johor No. 15 (1960)
- Enakmen Kedah No. 13 (1960)
- Enakmen Kelantan No. 6 (1960)
- Enakmen Melaka No. 7 (1960)
- Enakmen Negeri Sembilan No. 21 (1960)
- Enakmen Pahang No. 13 (1960)
- Enakmen Penang No. 4 (1960)

- Enakmen Perak No. 6 (1960)
- Enakmen Perlis No. 12 (1960)
- Enakmen Selangor No. 7 (1960)
- Enakmen Terengganu No. 9 (1960)

#### A. Tujuan

Untuk mengukuhkan Undang-undang berkaitan dengan pemuliharaan bukit dan perlindungan daripada hakisan tanah dan larian kelodak.

#### B. Peruntukan Utama

Peruntukan utama terkandung di dalam Bahagian II dan Bahagian III Akta ini. Secara umumnya, Akta ini mengandungi :

- Peruntukan berhubung dengan pengisytiharan kawasan sebagai tanah bukit oleh Pihak Berkuasa Negeri dan peruntukan yang melarang penggunaan tanah bukit untuk apa-apa tujuan selain daripada tujuan pertanian dan perlombongan terhad.
- Peruntukan yang memberi kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk mengambil tindakan terhadap tuan tanah yang mana tanahnya telah menyebabkan atau kemungkinan boleh menyebabkan kerosakan terhadap tanah yang lain, alur air atau mengganggu atau kemungkinan boleh mengganggu penanaman di kawasan lain akibat daripada tanah, lumpur, kelikir, kelodak atau batuan yang dibawa daripada tanahnya.
- Peruntukan yang memberi kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk mengambil tindakan terhadap tuan tanah yang mana tanahnya telah rosak atau kemungkinan telah rosak akibat daripada hakisan atau pergerakan tanah, lumpur, kelikir, kelodak atau batuan dari tanah sedemikian.

#### 2.9.8 Akta Kerajaan Tempatan

Di dalam akta ini terdapat dua bahagian yang terlibat dalam perancangan dan pembangunan landskap iaitu:

- Bahagian VII : Tempat Awam
- Bahagian VIII : Pencemaran Anak Sungai

#### 2.9.8.1 Bahagian VII : Tempat Awam

Bahagian ini mempunyai 6 Seksyen iaitu Seksyen 63, Seksyen 64, Seksyen 65, Seksyen 66, Seksyen 67 dan Seksyen 68.

##### i. Seksyen 63: Pengawalan tempat awam, dsb.

Sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan adalah berkuasa menjalankan kawalan dan jagaan am ke atas semua tempat dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, yang telah atau akan pada bila-bila masa dasingkan dan diletak hak pada Pihak Berkuasa Tempatan bagi kegunaan orang ramai atau yang terhadapnya orang ramai akan pada bila-bila masa mempunyai atau telah memperolehi hak bersama.

##### ii. Seksyen 64: Kuasa untuk mengadakan tempat awam, dsb., yang baru dan membesarkannya

Sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan boleh ;

- Mengadakan, membina, menyusun atur atau mengkhaskan tempat awam baru; dan
- Melebar, membuka, membesar ataupun memajukan mana-mana tempat awam itu dengan memberi pampasan yang wajar mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis kepada pemunya dan penduduk mana-mana tanah, rumah atau bangunan yang dikehendaki bagi mana-mana maksud tersebut atau yang terjejas oleh yang demikian itu.

##### iii. Seksyen 65: Kuasa sementara untuk menutup tempat awam

Sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan boleh menutup bagi sementara mana-mana tempat awam yang diletak hak padanya atau yang berada di bawah kawalannya.

##### iv. Seksyen 66: Kuasa untuk mendirikan bangunan awam di tempat awam terbuka

Sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan boleh mendirikan dan menyetujui bangunan di mana-mana tempat awam terbuka

bagi maksud awam dan boleh mengkhaskan mana-mana tempat awam itu atau mana-mana bahagiannya bagi apa-apa maksud yang difikirkan patut dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Tempatan itu.

**v. Seksyen 67: Syarat dan sekatan mengenai penutupan lebu, dsb.**

(1) Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh menutup atau melencongkan secara kekal mana-mana lebu awam atau menutup secara kekal mana-mana tempat awam atau mengubah secara kekal sempadannya:

Dengan syarat bahawa :

- a) Sebelum Pihak Berkuasa Tempatan mengizinkan sesuatu penutupan, pelencongan atau perubahan yang kekal bagi sempadan notis tidak kurang daripada empat belas hari hendaklah diberi mengenai cadangan hendak mengusulkan suatu ketetapan bagi maksud itu;
- b) Sebelum sesuatu penutupan, pelencongan atau perubahan itu dijalankan, Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah menyediakan satu pelan bagi kerja yang dicadangkan itu dan satu pernyataan menunjukkan tentang perlunya yang demikian itu dan hendaklah tidak kurang daripada satu bulan sebelum dimulakan kerja yang dicadangkan itu memberi notis mengenainya dalam *Warta* dan dengan apa-apa cara lain yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan melalui ketetapan dan notis itu hendaklah menyatakan tempat di mana pelan yang tersebut itu boleh diperiksa oleh orang ramai pada waktu yang munasabah dan satu salinan notis itu hendaklah ditampalkan pada sesuatu bahagian lebu atau tempat awam yang tersebut itu;

- c) Adalah layak bagi seseorang pemunya atau penduduk bagi mana-mana tanah yang terjejas oleh penutupan, pelencongan atau perubahan itu membuat suatu tuntutan secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Tempatan dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis itu disiarkan dalam *Warta* untuk mendapat pampasan oleh sebab penutupan, pelencongan atau perubahan itu dan jika tuntutan itu dibuktikan dengan memuaskan hati pihak berkuasa tempatan itu, Pihak Berkuasa Tempatan itu hendaklah membayar pampasan kepada mana-mana pemunya atau penduduk itu dan pada mentaksirkan amaun pampasan yang kena dibayar, faedah atau keuntungan yang didapati atau mungkin akan didapati daripada penutupan, pelencongan atau perubahan itu oleh orang itu hendaklah diambil kira;
- d) Jika seseorang yang terkilan dengan sesuatu penutupan, pelencongan atau perubahan yang dicadangkan itu membantah terhadapnya secara bertulis dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis itu disiarkan dalam *Warta* berkenaan dengan penutupan, pelencongan atau perubahan yang dicadangkan itu, melainkan jika bantahan itu ditarik balik, penutupan, pelencongan atau perubahan itu hendaklah jangan dijalankan tanpa izin Pihak Berkuasa Negeri; dan
- e) Selepas penyampaian sesuatu bantahan itu, Pihak Berkuasa Negeri boleh, atas permohonan Pihak Berkuasa Tempatan itu, melantik seorang atau beberapa orang untuk menjalankan suatu penyiasatan berkenaan dengan penutupan, pelencongan atau perubahan yang dicadangkan itu dan juga bantahan terhadapnya itu dan untuk

membuat laporan mengenainya dan selepas menerima laporan orang atau orang itu Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat suatu perintah tidak membenarkan penutupan, pelencongan atau pengubahan yang dicadangkan itu atau membenarkannya dengan apa-apa ubah suaian, jika ada, yang difikirkannya perlu.

- (2) Sesuatu Pihak Berkuasa Bempatan boleh, dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri, menutup atau melencongkan secara kekal mana-mana lebuhraya yang bukan suatu lebuhraya awam dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu, tetapi dalam tiap-tiap hal yang demikian, penutupan atau pelencongan itu hendaklah tertakluk kepada subSeksyen (1).

**vi. Seksyen 68: Menamakan tempat awam, dsb.**

Sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, menetapkan nama dengan mana sesuatu tempat awam atau taman perumahan atau skim perumahan akan dikenali dan boleh dari semasa ke semasa mengubah nama sesuatu tempat awam atau taman perumahan atau skim perumahan atau mana-mana bahagiannya sama ada atau tidak nama itu telah digunakan bagi tempat, taman atau skim itu sebelum mula berkuat kuasanya.

**2.9.8.2 Bahagian VIII : Pencemaran Anak Sungai**

Bahagian ini mempunyai 3 Seksyen iaitu Seksyen 69, Seksyen 70 dan Seksyen 71.

**i. Seksyen 69: Melakukan kacau ganggu dalam anak sungai, dsb.**

Seseorang yang melakukan sesuatu kacau ganggu atau meletakkan apa-apa kekotoran dalam atau di atas tebing mana-mana anak sungai, saluran, parit awam atau lain-lain alur air dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi

dua ribu ringgit (RM 2,000.00) atau di penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan didenda tambahan tidak melebihi lima ratus ringgit (RM 500.00) bagi setiap satu hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

**ii. Seksyen 70: Pencemaran anak sungai dengan sampah perdagangan, dsb.**

Seseorang yang :

- a. Meletakkan atau menyebabkan supaya diletakkan atau jatuh atau mengalir atau dengan disedarinya membenarkan diletak atau jatuh atau mengalir atau dibawa ke dalam mana-mana anak sungai, sampah pepejal atau sampah cecair dari mana-mana kilang, proses pengilangan atau kuari atau apa-apa sampah atau abu api atau apa-apa buangan lain atau apa-apa benda reput supaya sama ada dengan perbuatan itu sahaja atau bersama dengan perbuatan lain oleh orang itu atau oleh mana-mana orang lain mengganggu pengalirannya yang wajar atau mencemar airnya;
- b. Menyebabkan jatuh atau mengalir atau dengan disedarinya membenarkan jatuh atau mengalir atau dibawa ke dalam mana-mana anak sungai sesuatu benda kumbahan sama ada pepejal atau cecair; atau
- c. Menggunakan mana-mana anak sungai, saluran, parit awam atau lain-lain alur air atau limbah, kolam atau tangki bagi maksud menjalankan apa-apa *trend* dobi, di dalam atau di luar sesuatu kawasan Pihak Berkuasa Tempatan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit (RM 5,000.00) atau di penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan didenda tambahan tidak melebihi lima ratus ringgit (RM 500.00) bagi setiap satu hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.



iii. **Seksyen 71: Pihak Berkuasa Tempatan boleh menentu belanja bagi kerja yang dilakukan**

- (1) Jika apa-apa perbelanjaan dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan pada menjalankan apa-apa kerja oleh sebab kesalahan yang tersebut dalam Seksyen 69 dan 70, Pihak Berkuasa Tempatan itu hendaklah memberi suatu perakuan mengenai kos kerja itu kepada orang yang melakukan kesalahan itu dan perakuan Pihak Berkuasa Tempatan itu adalah bukti muktamad mengenai jumlah wang yang kena dibayar itu.
- (2) Jumlah wang itu hendaklah disifatkan sebagai hutang yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Tempatan itu dan boleh dituntut dengan apa-apa cara yang diperuntukkan oleh Akta ini bagi penuntutan kadar yang belum dijelaskan.

### 2.9.9 Undang-Undang Kecil

### 2.10 Garis Panduan Berkaitan

Garis-garis panduan yang berkaitan adalah:

#### 2.10.1 Garis Panduan Landskap Negara (GPLN)

Secara umum, GPLN merupakan usaha JLN, KPKT untuk memastikan panduan asas dalam perancangan dan pengawalan kualiti pembangunan landskap dijadikan asas dalam setiap pembangunan landskap di Malaysia. Ini penting untuk memastikan penghasilan pembangunan landskap yang berkualiti dan mapan ke arah menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah.

Secara khusus, GPLN adalah bertujuan sebagai panduan asas kepada agensi-agensinya pelaksana terutamanya PBT untuk merancang, mengawal reka bentuk landskap, memantau pelaksanaan kawalan pembangunan dan penyelenggaraan kerja-kerja pembangunan landskap yang dijalankan. Ia juga boleh diguna pakai sebagai bahan rujukan dan panduan kepada pemaju dan semua individu yang terlibat dalam pembangunan landskap dalam memastikan kualiti pembangunan landskap yang dihasilkan berkualiti terbaik.

Pendekatan-pendekatan yang disyorkan dalam GPLN adalah bagi menangani isu-isu peningkatan suhu kawasan bandar, kadar larian air permukaan yang tinggi dan isu penebangan pokok dengan memasukkan topik pemeliharaan dan pemulihan dengan memberi penekanan yang lebih kepada penanaman pokok teduhan dalam pembangunan landskap.

#### 2.10.1.1 Kawasan Pinggir Sungai

- Rizab sungai seluas 20 meter lebar hendaklah digunakan untuk tujuan landskap yang meliputi dua zon utama iaitu Zon pemeliharaan dan pemuliharaan (10m) - mengandungi tanaman *riparian* dan pengekal sepsis sedia ada untuk memelihara ekologi dan mengawal hakisan sungai dan Zon penanaman umum dan penyelenggaraan (10m) – mengandungi gabungan elemen landskap lembut dan kejur untuk tujuan landskap dari aspek rekreasi dan tarikan pelancongan.
- Pokok-pokok besar yang sedia ada di pesisiran sungai harus dikekalkan untuk memelihara struktur tanah dan kualiti persekitaran.
- Jalan masuk dan jalan perkhidmatan perlu disediakan untuk kegunaan orang awam dan penyelenggaraan di kawasan rizab di sepanjang sungai.
- Keperluan penyediaan rizab sungai, berdasarkan Garis Panduan Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) adalah bergantung kepada tujuan pembangunan landskap, iaitu untuk tujuan rekreasi - minimum 7.5m, untuk pengawalan kesan kelodak, pembajaan dan racun serangga – dari 20m ke 30m dan pewujudan habitat – minimum 50m.
- Untuk kawasan pinggir sungai yang melalui kawasan bandar (urban area) – minimum 5m rizab tanah perlu disediakan di kiri dan kanan sungai.
- Untuk kawasan sungai yang melalui hutan bakau, anjakan rizab sungai (building set back) yang perlu disediakan berdasarkan tujuan pembangunan iaitu pembangunan pelancongan – 100m, pembangunan perumahan – 500m dan pembangunan industri – 1,000m

- Pembinaan landskap kejur terutamanya laluan pejalan kaki perlu mengambil kira kesan terhadap pengaliran air hujan dan mengelakkan terjadinya takungan air setempat (local ponding).

#### 2.10.1.2 Kawasan Perumahan

- Menyediakan Jaluran Hijau minimum 6m lebar yang menghubungkan kawasan perumahan dengan kemudahan awam seperti taman awam, sekolah dan kedai.
- Landskap di kawasan perumahan perlu mengambilkira keperluan kawasan rekreasi, rangkaian siar kaki dan lorong berbasikal serta perabot landskap yang lain.
- Ruang-ruang lapang yang diwujudkan haruslah mempunyai fungsi di dalam rekabentuk landskap serta persekitaran bukan sekadar memenuhi keperluan piawaian.
- Aspek keselamatan perlu diberi penekanan melalui pendekatan landskap.
- Minimum 10% ruang yang strategik dan terancang perlu dirizabkan sebagai kawasan lapang atau taman daripada keseluruhan kawasan pembangunan perumahan.
- Minimum 3m lebar di sepanjang jalan perlu disediakan untuk kawasan penanaman dan ruang pejalan kaki.
- Minimum 6m lebar Jaluran Hijau (green linkages) perlu disediakan untuk menghubungkan kawasan perumahan dengan kawasan kemudahan awam seperti taman awam, sekolah dan kedai. Kawasan ini hendaklah dipisahkan daripada laluan kenderaan, dengan hanya pengguna basikal dan pejalan kaki dibenarkan menggunakannya.
- Minimum 20m zon penampungan perlu disediakan untuk kawasan perumahan yang menghadap ke jalan utama (30m) dan kawasan industri.

#### 2.10.1.3 Kawasan Kemudahan Asas

- Kawasan kemudahan asas yang dinyatakan dalam garis panduan ini merujuk kepada stesen pencawang elektrik, tangki

air/rumah pam, kolam kumbahan dan tempat pembuangan /pelupusan sampah.

- Reka bentuk landskap di kawasan kemudahan asas bertujuan untuk meningkatkan nilai kualiti visual, penghadang pemandangan yang tidak menarik dan meningkatkan kualiti alam.
- Stesen pencawang elektrik dan rumah pam – minimum rizab seluas 6m lebar di sempadan kawasan untuk tujuan penghalang pemandangan terutama di jalan utama dan kawasan penempatan.
- Kolam kumbahan dan tempat pembuangan/pelupusan sampah – minimum rizab seluas 6m lebar dengan penambakan tanah sebagai *mounding*.
- Minimum 1.5m lebar kawasan landskap perlu disediakan di kawasan pintu masuk.

#### 2.10.1.4 Kawasan Perindustrian

- Bagi perkarangan kawasan perindustrian, ruang penanaman diperlukan bagi mengindahkan kawasan pintu masuk, tempat letak kereta, sekitar pejabat atau kilang serta taman kecil yang diperlukan untuk berehat.
- Menyediakan zon penampungan dan kawasan lapang yang mempunyai saiz yang bersesuaian dengan kemudahan seperti ruang bersosial, gelanggang permainan, kemudahan landskap dan kejur yang bersesuaian.
- Fungsi landskap di kawasan perindustrian adalah untuk meningkatkan kualiti persekitaran dengan mengawal pencemaran udara dan bunyi, menghadang pemandangan yang tidak menarik, mengimbangi suhu dan mengindahkan kawasan.
- Keperluan ruang untuk zon penampungan adalah berdasarkan kepada piawaian Jabatan Alam Sekitar.
- 30% daripada keseluruhan kawasan kilang (termasuk kawasan tempat letak kereta) perlu dirizabkan sebagai kawasan landskap.

- Pembentukan bukit kecil (*earth mound*) di kawasan zon penampungan adalah digalakkan untuk menghasilkan kesan halangan pemandangan yang baik, selain daripada penggunaan komposisi penanaman.
- Komponen landskap kejur seperti papan tanda, laluan pejalan kaki dan perabot jalan perlu disediakan di keseluruhan kawasan kilang.

### 2.10.5 Garis Panduan Reka Bentuk Imej Bandar

Garis Panduan Reka Bentuk Imej Bandar bertujuan untuk mengenal pasti kekurangan dan masalah yang perlu ditangani dari segi fungsi, reka bentuk fizikal dan struktur bandar untuk menjana pelbagai aktiviti pembangunan dan pemeliharaan alam sekitar supaya bandar dapat menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara dan menjamin tahap (standard) dan kualiti masyarakatnya. Garis panduan ini menggariskan konsep, fungsi dan ciri-ciri imej bandar berteraskan falsafah, prinsip-prinsip perancangan dan pembangunan sejagat iaitu imej bandar yang mengukuhkan hubungan Manusia dengan Pencipta, Manusia dan Manusia dan Pihak Berkuasa Tempatan di dalam merancang dan melaksana pembangunan prasarana, komponen dan aktiviti baru bandar ke arah membentuk imej bandar berdaya tahan, terancang dan berbudaya yang mencerminkan masyarakat mampan dan menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar yang bersih dan indah.

### 2.10.6 Garis Panduan Kawasan Kolam Takungan Sebagai Sebahagian Tanah Lapang

Garis Panduan kawasan kolam takungan sebagai sebahagian tanah lapang yang disediakan adalah bertujuan untuk menyediakan kriteria yang perlu diambil dalam menggunakan kawasan tanah lapang untuk keperluan kawasan kolam takungan supaya prinsip asas kawasan lapang sebagai taman awam yang merangkumi taman awam, padang sukan, rekreasi awam, tempat jalan kaki awam sebagai satu tempat awam tidak terjejas. Penyediaan kawasan kolam takungan ini menjayakan elemen penyokong kepada kawasan tanah lapang berkenaan.

Garis panduan ini disediakan bagi membantu Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan dalam mengawal penyediaan kolam takungan sebagai sebahagian tanah lapang.

Kolam takungan merupakan salah satu komponen infrastruktur dan utiliti yang direka bentuk di dalam sesuatu pembangunan yang melebihi 25 ekar. Potensi kolam takungan ini untuk dijadikan sebagai kawasan rekreasi sangat tinggi kesan daripada fungsinya yang mampu menahan dan menampung air. Dengan itu, satu garis panduan dibentuk bagi mengawal dan memantau perancangannya.

#### 2.10.3.1 Kolam Takungan

Kolam Takungan (*'detention pond'*) ialah sebuah kolam yang digunakan untuk menahan air untuk beberapa jam supaya saliran perparitan dan sungai sempit mengalirkan air larian (*surface run-off*) ke lautan. Fungsi kolam takungan ialah untuk mengatasi masalah banjir dan juga sebagai kolam penapis kelodak dan tempat beriadah. Penyediaan kolam takungan di kawasan pembangunan merupakan satu langkah yang lebih mampan untuk mengatasi masalah banjir yang boleh mendatangkan kerosakan harta benda dan bencana kepada orang awam. Kolam takungan yang dirancang sebagai sebahagian daripada tanah lapang dan badan air, perlu mengambil kira prinsip perancangan kawasan tanah lapang yang digunakan untuk rekreasi air dan dijadikan sebagai satu elemen landskap dalam taman rekreasi.

#### 2.10.3.2 Piawai Perancangan

- Kolam takungan perlu disediakan bagi pembangunan melebihi 10 hektar (25 ekar).
- Luas maksimum 30% daripada peruntukan tanah lapang.
- Kolam takungan sebagai tanah lapang dibenarkan dengan 7% tanah lapang dan 3% kolam takungan.
- Saiz minimum kolam takungan tidak kurang daripada saiz padang bola sepak.
- Perletakan kolam takungan harus mengambil kira:

- a) Sesuai mengikut topografi.
  - b) Kemudah sampaian.
  - c) Kawasan yang sesuai dari aspek semula jadi.
- i. Mampu untuk menakung air selama 5 jam sebelum disalurkan ke sungai.
  - ii. Harus bercirikan 'wet pond'.
  - iii. Tidak boleh dibangunkan bersama dengan pembangunan lain.
  - iv. Keperluan kolam takungan boleh disyaratkan bagi kategori tanah lapang berikut:
    - a) Taman Negara
    - b) Taman Wilayah
    - c) Taman Bandar
    - d) Taman Kejiranan
  - i. Aktiviti yang dibenarkan dijalankan di kawasan tanah lapang yang boleh diintegrasikan dengan kolam takungan ialah:
    - a) Taman rekreasi
    - b) Tempat beristirehat
    - c) Tempat berkelah
    - d) Trek jogging

#### 2.10.4 Garis Panduan Perancangan Kawasan Lapang dan Rekreasi

Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi disediakan untuk membantu Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan pemaju dalam menetapkan aktiviti pembangunan, peletakan dan pembangunan sesuatu kawasan tanah lapang secara komprehensif dan mampan tanpa menimbulkan sebarang kesan negatif kepada pembangunan berkenaan dan juga kawasan persekitaran yang terbabit.

Garis panduan ini merangkumi pelbagai aspek dan keperluan serta cara membangunkan tanah seperti standard minimum peralatan, perabot jalan dan reka bentuk telah diberi fokus supaya tanah lapang yang telah di rizab boleh dimajukan untuk kegunaan rekreasi yang ditetapkan.

#### 2.10.4.1 Dasar Pembangunan Kawasan Lapang dan Rekreasi

Perancangan taman awam dan rekreasi bertema perlu mengambil kira dasar-dasar di dalam Rancangan Malaysia, RFN dan dasar-dasar kerajaan negeri. Ini kerana setiap perancangan perlu mengambil kira keperluan dan kesesuaian dengan komponen lain dan keperluan dari penduduk sekitar.

Faktor-faktor perlu diambil kira semasa merancang pembangunan taman awam dan rekreasi bertema adalah seperti berikut:

- i. Perletakan aktiviti sosial dan rekreasi di dalam satu taman.
- ii. Pembangunan boleh dilaksanakan dikawasan yang telah dibenarkan sahaja.
- iii. Pembangunan akan melibatkan 30 peratus daripada keseluruhan taman.
- iv. Pemilihan tema konsep perlu mengambilkira keperluan dan latar belakang penduduk sekitar.
- v. Dilarang merosakkan atau menebang pokok-pokok semula jadi.
- vi. Kemudahan dari segi akses masuk untuk tujuan penyelenggaraan.
- vii. Menyediakan komponen-komponen rekreasi aktif dan pasif yang bersesuaian.
- viii. Memastikan taburan dan orientasi komponen yang bersesuaian.
- ix. Perlu mengambil kira hubungkait bagi setiap kawasan lapang yang dibangunkan di setiap kawasan sungai.
- x. Pembangunan taman awam bertema sebagai sebahagian daripada taman awam berhierarki.
- xi. Pemantauan dan penyelenggaraan perlu bagi memastikan taman awam dan rekreasi bertema terpelihara dari semasa ke semasa.

Perancangan taman awam dan rekreasi bertema ini pula perlu berdasarkan garis panduan Piawaian Perancangan JPBD 21/97 – Piawaian Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi. Garis Panduan Perancangan Kawasan Tanah Lapang dan Rekreasi ini merupakan pelengkap kepada Piawaian Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi Bil. 21/97. Garis panduan ini disediakan untuk membantu Kerajaan Negeri, PBT dan pemaju dalam menetapkan aktiviti pembangunan secara komprehensif dan mampan tanpa memberikan kesan negatif.

#### 2.10.4.2 Definisi Tanah Lapang Dan Rekreasi

Takrifan tanah lapang oleh Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995, Akta (a933) dalam Seksyen 2(f) adalah mana-mana tanah sama ada yang dikepong atau tidak yang dikhas atau dirizabkan untuk dikhaskan keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai suatu taman bunga awam, taman awam, padang sukan dan rekreasi awam atau sebagai suatu tempat awam. Ia terbahagi kepada dua jenis aktiviti utama iaitu pasif dan aktif.

#### 2.10.4.3 Keperluan Minimum Tanah Lapang dan Rekreasi

- i. Kegunaan tanah lapang dan rekreasi yang boleh diambil kira sebagai perkiraan 100 peratus tanah lapang mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan), 1995 Akta (A9333) ialah:
  - a) Taman bunga awam
  - b) Taman awam
  - c) Padang sukan dan rekreasi awam
  - d) Tempat makan angin
- ii. Perkiraan 30 peratus tanah lapang dan rekreasi dalam suatu pembangunan dikategorikan seperti berikut:
  - a) Laluan pejalan kaki awam dan laluan basikal
  - b) Tempat awam- rizab kemudahan awam dan sosial
  - c) Rizab kerajaan
  - d) Rizab sungai, parit dan pantai
  - e) Simpanan kolam takungan
  - f) Zon penampungan
  - g) Rizab rentasan elektrik dan rizab Tapak Pencawang Elektrik
  - h) Kolam oksidasi dan loji rawatan kumbahan
  - i) Rizab tangki air
  - j) Rizab laluan paip gas
- iii. Saiz minimum sesuatu tanah lapang dan rekreasi hendaklah tidak kurang daripada 0.2 hektar (0.5 ekar). Saiz minimum bagi memenuhi keperluan seperti berikut:
  - a) Kemudahan rekreasi untuk kanak-kanak
  - b) Kemudahan tempat duduk untuk orang dewasa
  - c) Kawasan untuk tujuan landskap

- iv. Bentuk tanah lapang dan rekreasi sebaik-baiknya berbentuk segi empat. Bentuk bujur dan tiga segi tidak digalakkan.

#### 2.10.4.4 Komponen Tanah Lapang dan Rekreasi

- i. Tanah lapang pelbagai guna perlu disediakan di setiap pusat kejiranan terutamanya bagi padang permainan kanak-kanak, pasar tani dan keperluan masyarakat lain.
- ii. Tanah lapang sebagai kawasan hijau hendaklah disediakan di lokasi yang sesuai bagi mendapatkan kesan Jaluran Penampungan dan Saringan Visual.
- iii. Berfungsi sebagai aktiviti riadah.

#### 2.10.4.5 Dasar Pelaksanaan Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi

- i. Menyediakan 10 peratus (10%) tanah lapang dan rekreasi bagi semua jenis pembangunan berikut:
  - a) Pembangunan Perumahan
  - b) Pembangunan Perdagangan
  - c) Pembangunan Perindustrian
  - d) Pembangunan Bercampur
  - e) Pembangunan Pelancongan
  - f) Pembangunan Institusi
- ii. Kemudahan tanah lapang dan rekreasi hendaklah diambil kira dalam penyediaan Rancangan Pemajuan iaitu RS, RT, Rancangan Pembangunan Daerah dan Rancangan Pusat Pertumbuhan Desa.
- iii. Pihak Berkuasa Negeri hendaklah merizabkan dan mewartakan tanah lapang yang telah diluluskan dalam Rancangan Pemajuan mengikut peruntukan perundangan di bawah Seksyen 62 dan 204D, Kanun Tanah Negara.
- iv. Memastikan bahawa Pemaju memenuhi piawaian minimum sebelum menyerahkan tanah lapang kepada Pihak Berkuasa Negeri.
- v. Pihak Berkuasa Negeri mengeluarkan syarat di dalam Sijil Kelayakan Menduduki (C.F.O) supaya tanah lapang diselenggara oleh Pemaju sebelum diambil alih oleh PBT.



- vi. Menyediakan kolam takungan sebagai sebahagian tanah lapang untuk semua kawasan pembangunan perumahan dan perindustrian bagi mengurangkan masalah banjir di kawasan bandar.

Tanah lapang dan rekreasi hendaklah dilengkapi dengan kemudahan awam seperti tandas awam, telefon awam, surau dan sebagainya mengikut tahap pembangunannya.

Bil	Jenis dan Hierarki	Keperluan minimum	Saiz Kawasan	Bilangan Penduduk	Jarak Perkhidmatan	Kawasan Perkhidmatan	Lokasi	Kemudahan Rekreasi
1.	Lot Permainan	0.2 hektar (0.25 ekar)	0.2 – 0.6 hektar (0.5 – 1.5 ekar)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Setiap 300 orang penduduk dan</li> <li>ii. Setiap pertambahan 300 orang penduduk memerlukan 0.2 hektar (0.5 ekar)</li> </ul>	Lingkungan 0.5km (0.3 batu)	Pusat Kejiranan	Di pusat kejiranan kecil dan dalam jarak berjalan kaki	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kawasan berumput</li> <li>ii. Kawasan berpasir</li> <li>iii. Tempat berteduh dan tempat duduk</li> <li>iv. Alat permainan kanak-kanak umur belum bersekolah</li> </ul>
2.	Padang Permainan	0.6 hektar (1.5 ekar)	0.6 – 2.0 hektar (1.5 – 5 ekar)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Setiap 1,000 orang penduduk dan</li> <li>ii. Setiap pertambahan 1,000 orang penduduk memerlukan 0.6 hektar (1.5 ekar)</li> </ul>	Lingkungan 1.0 km (0.6 batu)	Pusat Kejiranan	Di pusat kejiranan kecil dan dalam jarak berjalan kaki	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kawasan teduhan taman</li> <li>ii. Kawasan berturap dan berlampu untuk gelanggang sukan dan permainan</li> <li>iii. Kawasan permainan kanak-kanak</li> <li>iv. 'Adventure ground'</li> <li>v. Tempat letak kereta</li> <li>vi. Telefon awam</li> </ul>
3.	Padang Kejiranan	2.0 hektar (5.0 ekar)	2.0 – 8.0 hektar (5 – 20 ekar)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Setiap 3,000 orang penduduk dan</li> <li>ii. Setiap pertambahan 3,000 orang penduduk memerlukan 2.0 hektar (5.0 ekar)</li> </ul>	Lingkungan 1.5 km (0.9 batu)	Pusat Kejiranan	Dalam atau berdekatan dengan pusat kejiranan dalam jarak berbasikal dan berjalan kaki	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Padang permainan kanak-kanak</li> <li>ii. Padang bola</li> <li>iii. Gelanggang badminton, tenis, takraw dan lain-lain</li> <li>iv. Trek jogging</li> <li>v. Taman dan perteduhan</li> <li>vi. Tempat letak kereta</li> <li>vii. Perhentian bas</li> <li>viii. Tandas awam</li> <li>ix. Telefon awam</li> </ul>
4.	Taman Tempatan	8.0 hektar (20 ekar)	8.0 - 40.0 hektar (20 – 100 ekar)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Setiap 12,000 orang penduduk dan</li> <li>ii. Setiap pertambahan 12,000 orang penduduk memerlukan 8.0 hektar (20 ekar)</li> </ul>	Lingkungan 3.0 km (1.8 batu)	Pusat Perkhidmatan	Dalam atau berdekatan dengan pusat perkhidmatan. Mudah dikunjungi dengan berjalan kaki, berbasikal dan pengangkutan awam atau persendirian	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pelbagai gelanggang permainan dan padang bola dalam bentuk kompleks sukan kecil</li> <li>ii. Kolam renang</li> <li>iii. Taman dan kawasan permainan kanak-kanak</li> <li>iv. Kawasan berkelah dan 'adventure game'</li> <li>v. Dewan tertutup</li> <li>vi. Gerai</li> <li>vii. Tandas awam</li> <li>viii. Wakaf</li> <li>ix. Telefon awam</li> <li>x. Perhentian bas</li> <li>xi. Tempat letak kereta</li> </ul>

Bil	Jenis dan Hierarki	Keperluan minimum	Saiz Kawasan	Bilangan Penduduk	Jarak Perkhidmatan	Kawasan Perkhidmatan	Lokasi	Kemudahan Rekreasi
5.	Taman Bandaran	40 hektar (100 ekar)	40 – 100 hektar (100 – 250 ekar)	50,000 ke atas	Lingkungan 0.5 km (0.3 – 6.0 batu) ½ jam perjalanan	Pusat Bandaran	Dalam pusat bandar	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Padang untuk sukan tahunan</li> <li>ii. Gelanggang permainan</li> <li>iii. Kompleks sukan</li> <li>iv. Kolam renang</li> <li>v. 'Golf Driving Range'</li> <li>vi. Padang permainan kanak-kanak</li> <li>vii. Kawasan berkelah dan berkhemah</li> <li>viii. Sukan air</li> <li>ix. Hutan lipur dan taman bunga</li> <li>x. Wakaf dan surau</li> <li>xi. Tandas dan telefon awam</li> <li>xii. Tempat penginapan</li> <li>xiii. Kedai dan gerai</li> <li>xiv. Tempat letak kereta dan bas</li> <li>xv. Perhentian bas</li> </ul>
6.	Taman Wilayah/ Taman Negeri	100 hektar (250 ekar)	100 ekar (250 ekar) ke atas	Seluruh penduduk dalam Wilayah atau Perbandaran	Lingkungan dalam 1 jam perjalanan dengan kenderaan	Pusat Wilayah	Di pinggir atau di luar kawasan kepadatan Perbandaran.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kemudahan seperti tempat perkelahan, perkhemahan, 'hiking', 'boating' dan lain-lain</li> <li>ii. Kompleks sukan terbuka</li> <li>iii. Sukan terhad seperti golf</li> <li>iv. Kawasan semula jadi tumpuan penduduk seperti tasik, air terjun dan lain-lain</li> <li>v. Mempunyai alam semula jadi untuk rekreasi pasif seperti 'jungle tracking', hutan lipur dan tempat penyelidikan alam sekitar</li> <li>vi. Tempat penginapan</li> <li>vii. Kedai dan gerai</li> <li>viii. Tandas dan telefon awam</li> <li>ix. Surau</li> <li>x. Tempat letak kereta dan bas</li> <li>xi. Perhentian bas</li> </ul>
7.	Taman Negara Nasional	Tiada had	Tiada had	Seluruh Negara	Seluruh Negara	Tiada Had	Terletak di kawasan yang sesuai dan unik dari segi kewujudan 'wildlife' dan bahan-bahan penyelidikan alam sekitar	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bahan dan alat untuk pengekalan alam sekitar</li> <li>ii. Kemudahan penginapan dan pengangkutan</li> <li>iii. Tempat letak kereta dan bas</li> <li>iv. Kedai dan gerai</li> <li>v. Surau dan wakaf</li> <li>vi. Tandas dan telefon awam</li> </ul>

**Jadual 2-4:** Jadual Piawaian Tanah Lapang dan Rekreasi.  
 Sumber: Piawaian Perancangan Tanah Lapang Dan Rekreasi JPBD 21/97.

### 2.10.5 Garis Panduan Perintah Pemeliharaan Pokok

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan asas-asas bagi melaksanakan bahagian VA Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang dipinda di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 (Akta A933) berkenaan aktiviti memelihara pokok dalam kawasan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan. Bahagian VA Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) meletakkan tanggungjawab kepada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan untuk merancang bagi pemeliharaan dan perlindungan pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan dalam kawasanya. Untuk tujuan ini Seksyen 35A memberi kuasa budi bicara kepada pihak berkuasa itu mengeluarkan suatu perintah pemeliharaan pokok secara berleluasa dan tanpa perancangan untuk sesuatu pembangunan dapat dibendung.

Bahagian VA Akta 172 juga mengadakan peruntukan yang memberi perlindungan khas kepada pokok-pokok yang matang untuk memastikan pokok matang itu tidak ditebang dan sistem ekologi semasa sesuatu kawasan dikekalkan apabila pembangunan dijalankan. Untuk tujuan ini Seksyen 35H semua pokok yang mempunyai lilitan lebih dari 0.8 meter tidak boleh ditebang kecuali dalam keadaan tertentu dengan izin Pihak Berkuasa Perancang Tempatan. Penebangan yang dibenarkan hendaklah diberi secara bertulis dan Pihak Berkuasa Tempatan bolehlah mensyaratkan mana-mana pokok yang ditebang perlu digantikan dengan penanaman semula sebagai alternatif supaya larangan ini tidak dilihat sebagai menyekat aktiviti pembangunan.

### 2.10.6 Garis Panduan Landskap Jalan Raya

Bagi memastikan pertumbuhan tanaman yang baik, rizab landskap pinggir jalan mestilah berukuran minimum 3 m lebar dan pembahagi jalan mestilah berukuran minimum 2 m lebar mengikut hierarki jalan. Walau bagaimanapun, keperluan ruang penanaman di tepi jalan ialah minimum 1.5 m lebar. Ruang penanaman minimum 300mm lebar perlu disediakan di tepi tembok atau jambatan untuk penanaman tanaman memanjat. Kotak penanaman berukuran minimum 500mm lebar dan 500mm dalam perlu disediakan di sepanjang jambatan dan jejantas untuk penanaman pokok renek. Landskap di kawasan jalan lebuhraya perlu juga mengambil kira pemeliharaan visual menarik dan pengekal

keadaan landskap sedia ada seperti ladang kelapa sawit dan sawah padi. Landskap di kawasan jalan juga dapat diperkuatkan dengan kombinasi elemen landskap kejur seperti papan tanda, siar kaki dan perabot landskap yang lain. Untuk tujuan garis panduan, jenis jalan yang telah dikenal pasti adalah:

- a. Jalan Tempatan (12m)
- b. Jalan Tempatan (20m)
- c. Jalan Collector (30m)
- d. Jalan Lingkaran Bandar (40m)
- e. Jalan Bandar (50m)

### 2.10.7 Garis Panduan Penebangan/Pengalihan Pokok

Bahagian VA Akta A933 (seperti butiran 2.10.5) membuat suatu peruntukan khas bertujuan untuk memberi perlindungan khas kepada pokok-pokok matang untuk memastikan pokok-pokok ini tidak ditebang. Ini adalah kearah membantu mewujudkan suatu ekologi tumbuhan yang seimbang bagi sesuatu kawasan walaupun ianya mengalami proses pembangunan. Garis Panduan Perancangan Bagi maksud ini Seksyen 35H (1) Akta A933 melarang penebangan mana-mana pokok yang lilitannya melebihi 0.8 meter yang tumbuh di dalam kawasan pihak berkuasa perancang tempatan. Lilitan ini diukur pada paras 0.5 meter dari bumi manakala bagi pokok yang berbanir ianya diukur dari paras banir.

Seseorang yang bercadang untuk menebang mana-mana pokok yang memiliki lilitan 0.8 meter hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis dari pihak berkuasa perancang tempatan. Mengikut Akta, aktiviti penebangan pokok termasuklah aktiviti memotong, memangkas, mencantas, mencabut, merosakkan atau memusnahkan pokok. Walau bagaimanapun penebangan boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran dari pihak berkuasa perancang tempatan dalam keadaan berikut :-

- Jika pokok yang terlibat berada dalam keadaan hampir mati atau telah mati
- Bagi mengelakkan sesuatu bahaya yang mengancam nyawa atau harta benda yang pasti berlaku jika pokok yang berkenaan tidak ditebang;
- Bagi mematuhi sesuatu kehendak undang-undang bertulis yang lain.

Seksyen 35H (3) seterusnya menetapkan bahawa manamana orang yang melanggar Seksyen 35H (1) adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi daripada RM 5,000 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja).

### **2.11 Rumusan**

Dalam pelaksanaan cadangan pembangunan landskap, dasar-dasar pembangunan sedia ada perlu diambil kira seiring dengan pembangunan. Ini meliputi dasar, akta, rancangan pembangunan serta garis panduan. Dasar dan rancangan fizikal yang telah digariskan ini sedikit sebanyak menjadi tulang belakang pemangkin pembangunan yang lebih mampan, praktikal dan komprehensif. Di samping itu, ia memainkan peranan yang sangat baik terutamanya dalam menjana pembangunan lestari dan mewujudkan kawasan perlindungan landskap dalam jalinan hijau yang bersepadu.